KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	03.10.22	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JMG			

Penduduk 'bandar di bawah tasik' dihantui kebimbangan

Kuala Berang: Penduduk 'bandar di bawah tasik' dihantui kebimbangan susulan penyebaran berita kononnya Empangan Kenyir di sini akan pecah kerana menerima taburan hujan tinggi sehingga dijangka menyebabkan berlaku banjir besar.

Tukang rumah Nasir Ismail, 49, ***(gambar kecil)*** dari Kampung Jenagor di sini, berkata, dakwaan empangan dijangka pecah secara tidak langsung menggusarkan penduduk setempat memandangkan kampungnya terletak berhampiran.



"Kita memang tahu berlaku runtuhan tanah di kawasan berkenaan pada Februari lalu, dan apabila tular berita (empangan pecah) seumpama itu memang kita takut terutama apabila melihat keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

"Kita bimbang ia akan menyebabkan berlaku runtuhan lagi apatah jarak antara rumah dengan empangan berkenaan hanya satu kilometer," katanya.



SUNGAI Terengganu di sekitar Kampung Jenagor yang terletak berhampiran Empangan Kenyir. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Menurutnya, dia bersama keluarga sudah membuat persiapan dengan meletakkan dokumen penting di satu tempat bagi memudahkan dibawa sekiranya berlaku kejadian tak diingini.

"Ketika banjir melanda Februari lalu, rumah saya memang tidak terjejas tetapi perasaan takut itu tetap ada kerana bimbang berlaku runtuhan lagi.

"Memang tidak dapat nak bayangkan kalau empangan (kenyir) itu pecah dan sudah

HM031022_22